



JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI SABAH

جَبَاتُ خَالِ الْهَوَالِ اِكَامَةِ اِسْلَامِ نِجَرِي سَابَا

KHUTBAH JUMAAT PERTAMA DAN KEDUA

24 REJAB 1446H / 24 JANUARI 2025M

“BENCANA ALAM: PERINGATAN ALLAH AGAR TIDAK SOMBONG DAN ZALIM”

Disediakan oleh:

Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS)

Arahan kepada PTA/ PPMD/ AJK MASJID/ SURAU:

- Seksyen 97, Enakmen 3 Tahun 1995, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1995, Bahagian IV - Kesalahan Khutbah menyatakan bahawa menjadi kesalahan bagi khatib yang membaca khutbah Jumaat yang bukan disediakan, disemak atau diluluskan oleh Majlis dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.
- Khatib hendaklah menyemak terlebih dahulu khutbah ini sebelum disampaikan kepada para jemaah supaya sempurna rukun dan baris agar dapat disampaikan dengan fasih dan lancar.
- Khutbah ini hendaklah dibaca oleh Imam Qariah atau Imam Rawatib yang bertugas di masjid atau surau yang berkenaan kecuali ada kebenaran khas dari Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS).
- Khutbah hendaklah disampaikan pada tarikh dan masa yang ditetapkan oleh JHEAINS.
- Khatib tidak dibenarkan meminda isi perkataan dalam khutbah ini kecuali untuk menyempurnakan rukun khutbah, kesilapan ejaan dan baris pada ayat-ayat al-Quran & Hadis yang terkandung di dalamnya.
- Khutbah hendaklah disampaikan dalam tempoh 10 - 15 minit sahaja.



Mohon semak QR code ini jika ada sebarang cadangan penambahbaikan. Sekian, terima kasih

KHUTBAH JUMAAT

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ:

ظَهَرَ الْفَسَادُ فِي الْبَرِّ وَالْبَحْرِ بِمَا كَسَبَتْ أَيْدِي النَّاسِ لِيُذِيقَهُمْ بَعْضَ الَّذِي
عَمِلُوا لَعَلَّهُمْ يَرْجِعُونَ ﴿٤١﴾ (الروم: 41)

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ
وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى حَبِيبِنَا وَشَفِيعِنَا مُحَمَّدٍ، أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ
وَالْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ، وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ، اتَّقُوا اللَّهَ، وَتَزَوَّدُوا فَإِنَّ خَيْرَ الزَّادِ التَّقْوَى، فَقَدْ
فَارَزَ الْمُتَّقُونَ.

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ
مُسْلِمُونَ ﴿١٠٢﴾

SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH SEKALIAN

Saya menyeru kepada diri saya dan jemaah sekalian, marilah kita bertakwa kepada Allah SWT dengan sebenar-benarnya. Tunaikanlah segala suruhan-Nya dan tinggalkanlah larangan-Nya. Semoga Allah SWT merahmati hidup kita, bahagia di dunia dan di akhirat. Khutbah pada kali ini akan membicarakan topik yang bertajuk “**Bencana Alam: Peringatan Allah agar tidak sombong dan zalim.**”

SAUDARA MUSLIMIN YANG BERBAHAGIA

Sebagai umat Nabi Muhammad SAW, kita wajib meyakini bahawa Allah SWT adalah Zat yang Maha Pengasih dan Maha Penyayang. Rahmat

Allah dan keampunan-Nya lebih luas daripada azab dan murka-Nya. Allah tidak sekali-kali berlaku zalim terhadap manusia dan makhluk lain yang menghuni alam semesta selaras dengan maksud firman-Nya di dalam surah Yunus ayat 44:

إِنَّ اللَّهَ لَا يَظْلِمُ النَّاسَ شَيْئًا وَلَكِنَّ النَّاسَ أَنْفُسَهُمْ يَظْلِمُونَ ﴿٤٤﴾

“Sesungguhnya Allah tidak menganiaya manusia sedikit pun, akan tetapi manusia jualah yang menganiaya diri mereka sendiri.”

PARA JEMAAH YANG DIKASIHI ALLAH SEKALIAN

Sepertimana yang telah disiarkan oleh pelbagai media, banyak bencana telah berlaku di awal tahun baharu 2025 ini. Selain daripada perang yang masih berkecamuk di bumi Palestin, negara kita tidak terkecuali daripada menerima ujian Allah yang berupa bencana banjir yang melanda di beberapa buah negeri. Ia bukan sahaja mengakibatkan ramai penduduk yang terpaksa berpindah, malahan banjir itu juga telah menyebabkan kemusnahan harta-benda dan kerosakan pelbagai infrastruktur awam lainnya.

Negara lain juga turut tidak terkecuali daripada menerima ujian bencana alam ini, gempa bumi kuat di wilayah terpencil di Tibet, China misalnya yang berskala dengan magnitud 6.8 telah mengorbankan sekurang-kurangnya 32 orang di samping mengakibatkan banyak bangunan runtuh. Gegeran turut dirasai di ibu negara jiran Nepal, Kathmandu dan beberapa bahagian India.

Manakala di Amerika Syarikat yang maju serta kalis ancaman, turut dilanda bencana. Kota kedua terbesarnya, iaitu Los Angeles ditimpa bencana kebakaran hebat bermula 7 Januari 2025 lalu. Kebakaran dahsyat itu merupakan bencana terburuk dalam sejarah Amerika kerana

telah mengakibatkan lebih daripada 12,000 kediaman dan premis perniagaan musnah dalam kebakaran tersebut. Bencana dasyat seumpamanya ada terakam dalam surah al-Baqarah ayat 266;

أَيُّودُ أَحَدُكُمْ أَنْ تَكُونَ لَهُ جَنَّةٌ مِّنْ نَّخِيلٍ وَأَعْنَابٍ تَجْرِي مِنْ تَحْتِهَا الْأَنْهَارُ لَهُ فِيهَا مِنْ كُلِّ الثَّمَرَاتِ وَأَصَابَهُ الْكِبَرُ وَلَهُ ذُرِّيَّةٌ ضُعَفَاءُ فَأَصَابَهَا إِعْصَارٌ فِيهِ نَارٌ فَاحْتَرَقَتْ ^{قُلْ} كَذَلِكَ يُبَيِّنُ اللَّهُ لَكُمْ الْآيَاتِ لَعَلَّكُمْ تَتَفَكَّرُونَ ﴿٢٦٦﴾

Yang bermaksud: *“Adakah seseorang di antara kamu suka mempunyai sebuah kebun dari pokok tamar (kurma) dan anggur, yang mengalir di bawahnya sungai-sungai, dan mempunyai dalam kebun itu segala jenis buah-buahan, sedang dia sudah tua dan mempunyai anak cucu yang kecil, lalu kebun itu diserang angin taufan yang membawa api lalu terbakarlah ia? Demikianlah Allah menjelaskan kepada kamu keterangan-keterangan, supaya kamu berfikir (dan mengambil iktibar).”*

PARA JEMAAH SEKALIAN

Hakikatnya, bencana alam sering dianggap sebagai peringatan atau ujian dari Allah, yang mengingatkan manusia untuk tidak melakukan kerosakan di bumi. Dalam ajaran Islam, alam dan segala isinya diciptakan oleh Allah sebagai tanda kebesaran-Nya, dan manusia diberi tanggungjawab untuk menjaga dan memeliharanya. Namun, apabila manusia melampaui batas dengan berlaku sombong dan zalim dengan melakukan pelbagai kerosakan, bencana alam dapat terjadi sebagai salah satu bentuk teguran ataupun hukuman.

Al-Quran menjelaskan tentang kerosakan yang disebabkan oleh perbuatan manusia, seperti dosa, kemungkaran, kezaliman, dan pengabaian terhadap amanah menjaga bumi. Di dalam surah ar-Rum ayat 41 pada permulaan khutbah ini, Allah menegaskan:-

ظَهَرَ الْفَسَادُ فِي الْبَرِّ وَالْبَحْرِ بِمَا كَسَبَتْ أَيْدِي النَّاسِ لِيُذِيقَهُمْ بَعْضَ الَّذِي
عَمِلُوا لَعَلَّهُمْ يَرْجِعُونَ ﴿١٦﴾

Maksudnya: “Telah timbul berbagai kerosakan dan bala bencana di darat dan di laut dengan sebab apa yang telah dilakukan oleh tangan manusia; kerana Allah hendak merasakan mereka sebahagian dari balasan perbuatan-perbuatan buruk yang mereka telah lakukan, supaya mereka kembali (insaf dan bertaubat).”

Berdasarkan kepada mafhum firman Allah tersebut, jelas bahawa bencana seperti banjir, gempa bumi, kebakaran, kemarau dan sebagainya boleh dianggap sebagai akibat dari ketidakpatuhan manusia terhadap ajaran agama, ketamakan, kerosakan alam sekitar, dan pengabaian terhadap nilai-nilai moral dan etika. Ini bermakna, bencana alam juga menjadi pengajaran agar umat manusia kembali kepada Allah dan memperbaiki diri serta amalan.

Selain itu, bencana alam juga boleh dilihat sebagai cara Allah untuk mengingatkan umat manusia supaya bersyukur, menjaga hubungan baik dengan sesama makhluk, serta memperbaiki keadaan moral dan sosial dalam masyarakat. Ini mengisyaratkan bahawa mereka yang lolos dari bencana adalah orang-orang yang beruntung kerana masih sempat ditegur oleh Allah SWT dan diberi kesempatan untuk memperbaiki kualiti keimanan, ketakwaan dan keadaan hidupnya.

Kesimpulannya saudara sekalian, menjadi kewajipan setiap Muslim yang beriman supaya bersabar mendepani segala musibah dan malapetaka. Jangan berputus asa, bersedih secara berlebihan, apatah lagi menyalahkan takdir terhadap apa yang berlaku. Taatilah segala perintah

Allah dan jauhilah segala perkara yang ditegah-Nya selaras dengan seruan Allah dalam surah al-Anfal ayat 25:-

وَاتَّقُوا فِتْنَةً لَا تُصِيبَنَّ الَّذِينَ ظَلَمُوا مِنْكُمْ خَاصَّةً ۖ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ شَدِيدُ
الْعِقَابِ ﴿٢٥﴾

Yang bermaksud: “Dan jagalah diri kamu daripada (berlakunya) dosa (yang membawa bala bencana) yang bukan sahaja akan menimpa orang-orang yang zalim di antara kamu secara khusus (tetapi akan menimpa kamu secara umum). Dan ketahuilah bahawa Allah Maha Berat Azab Seksa-Nya.”

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي
هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ
وَالْمُؤْمِنَاتِ، الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

تيكس خطبة كدوا

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأُمِّيِّ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمَرَكُمْ بِأَمْرٍ عَظِيمٍ، أَمَرَكُمْ بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتُهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا. اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

آمِينَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. اللَّهُمَّ أَنْزِلِ الرَّحْمَةَ وَالْبَرَكَهَ وَالْهُدَايَةَ وَالسَّلَامَةَ وَالسَّكِينَةَ وَالصِّحَّةَ الدَّائِمَةَ عَلَى مَلِكِنَا كِبَاوَه دُولِي يَغْ مَهَا مَوْلِيَا سَرِي قَادُوكْ بَكِينِدَا يَغْ دَفَرْتَوَانْ أَكُوغْ وَكَذَلِكَ عَلَى فَخَامَةِ الرَّئِيسِ الْأَعْلَى تَوَانْ يَغْ تَرَاوَتَامْ يَغْ دَفَرْتَوَانْ نَكْرِي سَابَه. وَاجْعَلِ اللَّهُمَّ هَذِهِ الْبَلَدَةَ وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ آمِنَةً مُطْمَئِنَّةً، إِنَّكَ رَءُوفٌ رَحِيمٌ.

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمِحْنَ وَالْفِتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَنَ، مِنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمِنْ بُلْدَانِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ.

Ya Allah, selamatkanlah saudara-saudara kami yang tertindas di bumi barakah khususnya Palestin, kasihanilah mereka dan limpahkan gugusan Rahmat-mu ke atas mereka.

fYa Allah! Naungilah kehidupan kami, negeri dan juga negara kami. Hiasilah diri kami dengan sifat-sifat terpuji dan jauhi kami dari sifat-sifat

yang terkeji. Jadikanlah kami dan daripada keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjemaah, menunaikan zakat, berpuasa dalam bulan Ramadan, mengerjakan ibadah haji, mewakafkan harta dan berinfaq pada jalan yang Engkau redai. Sesungguhnya hanya kepadaMu jua Ya Allah tempat kami mengadu dan memohon pertolongan.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.
عِبَادَ اللَّهِ،

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَنِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ
وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ
فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوا لَهُ عَلَىٰ نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

Disediakan dan diedar oleh:

Bahagian Penyelidikan dan Informasi, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

NOTA:

Teks khutbah ini mengandungi potongan ayat-ayat al-Quran dan Hadis Rasulullah SAW. Mohon jaga dengan cermat dan tidak disepahkan.

Sebarang pertanyaan atau maklum balas, sila hubungi

Unit Penerbitan, Bahagian Penyelidikan dan Informasi, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

Hubungi [088-522127/](tel:088-522127) jheains.penerbitan@gmail.com untuk sebarang pertanyaan/ maklumat lanjut.